

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEPULUH**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 Disember 2001

SOALAN

YB DATO' PADUKA LEE PIT CHERN minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan apakah bentuk pelaksanaan Pelan Tindakan Wanita serta bagaimanakah perkembangan pelaksanaan pelan tersebut pada masa sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita telah disediakan pada tahun 1996 sejajar dengan Deklarasi Beijing yang telah dikeluarkan oleh Persidangan Wanita Sedunia Keempat di Beijing, China pada September 1995. Pelan ini telah menggariskan strategi dan program untuk mengatasi halangan kepada kemajuan wanita. Antara bidang yang diberi tumpuan dalam Pelan Pembangunan Wanita Negara ialah pengukuhan institusi bagi kemajuan wanita, meningkatkan kesedaran awam dan kepekaan anggota sektor awam terhadap perkara yang berkaitan dengan kepentingan wanita. Pelan ini juga memperuntukkan peranan pertubuhan bukan Kerajaan dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya program sosio-ekonomi, pelan tindakan untuk wanita dan keluarga, kesihatan, pendidikan dan latihan, ekonomi, undang-undang, perkongsian kuasa, media, agama, kebudayaan serta kesenian dan sukan. Kementerian berusaha menjalankan advokasi supaya Kementerian dan agensi Kerajaan menerima maklumat saranan di dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita berkenaan. Melalui mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Antara Agensi Mengenai Hal Ehwal Wanita, Kementerian telah menetapkan 'focal point' dari kementerian-kementerian yang berkaitan untuk melaporkan kemajuan program-program mereka yang berkaitan. Sementara itu di peringkat negeri, Kementerian ini membuat penyelarasan dengan Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita Negeri. Pelaksanaan Pelan ini amat bergantung pada pelaksanaan program yang dijalankan oleh Kementerian dan agensi Kerajaan dengan kerjasama pertubuhan bukan Kerajaan. Kemajuan yang dicapai oleh wanita Malaysia akibat pelaksanaan Pelan Tindakan berkenaan dapat diukur daripada indikator berikut: a) Kadar penyertaan wanita dalam tenaga Kerajaan telah mencatat peningkatan kepada 44.5% pada tahun 2000 berbanding 43.5% dalam tahun 1995; b) Dalam tempoh tersebut juga kategori pekerjaan yang disertai juga telah berubah dengan ramai wanita menyertai bidang pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi. Wanita yang terlibat dalam kategori profesional dan teknikal telah meningkat dari 12.7% pada tahun 1995 kepada 13.5% pada tahun 2000; c) Peratusan pelajar wanita di universiti-universiti awam telah meningkat kepada 55% pada tahun 2000 berbanding 50% pada tahun 1995. d) Taraf kesihatan wanita telah meningkat dengan jangka hayat wanita meningkat dari 74 tahun pada tahun 1995 kepada 74.7 tahun pada tahun 2000. Selaras dengan pembangunan ekonomi semasa serta penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kementerian pada masa ini sedang mengkaji semula Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dengan mengambil kira isu-isu baru gender yang perlu ditangani serta keperluan pelaksanaan strategi dan program pembangunan gender dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga.

